

05 NOV 1998

Zaharah-Reformasi

ANGGOTA WANITA UMNO TIDAK TERLIBAT DALAM GERAKAN REFORMASI

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Pergerakan Wanita UMNO bebas daripada sebarang kegiatan yang bercanggah dengan kepentingan parti terutama gerakan "reformasi" oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata siasatan yang dijalankan oleh Exco pergerakan itu mendapati tiada anggota Wanita UMNO terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan yang memudaratkan parti terutama gerakan "reformasi".

Anggota Wanita Umno sudah diberi penerangan secukup-cukupnya tentang tanggungjawab menjaga keutuhan parti di samping sedar risiko melakukan sesuatu yang menjejaskan perpaduan Umno, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pergerakan itu.

"Apa yang kita tidak mahu ialah terdapatnya golongan tertentu yang cuba mengambil kesempatan dengan keadaan politik semasa dengan memperalatkan anggota Wanita Umno," kata beliau.

Zaharah berkata Wanita Umno telahpun menyatakan sokongan padu kepada tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, serta menyokong tindakan Majlis Tertinggi Umno memecat Anwar daripada parti.

Beliau berkata Wanita Umno juga komited untuk mempertahankan kestabilan dan keutuhan parti serta menolak mana-mana pemimpin yang melibatkan orang luar untuk menghancurkan parti.

Katanya komitmen itu dilahirkan oleh anggota-anggota Exco Wanita menerusi siri ceramah yang sedang giat dijalankan di peringkat bahagian dan cawangan parti di seluruh negara.

Zaharah berkata apa yang penting ialah setiap anggota pergerakan perlu sedar tentang betapa pentingnya kestabilan politik dalam usaha menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang.

-- BERNAMA

AKT NMO